

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN FEBRUARI 2023

**1. MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL EKSA 2019-2022 DAN
PENTAULIAHAN AJK BAHARU EKSA SESI 2023-2025.**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Penganugerahan Sijil EKSA bagi pegawai yang telah berkhidmat sebagai AJK dan Pegawai Bertanggungjawab (PIC) EKSA bagi tahun 2019-2022. Majlis ini adalah bagi menghargai jasa dan komitmen yang telah diberikan oleh pegawai yang telah menjalankan tugas dengan cemerlang sepanjang tempoh tersebut.

Majlis ini juga telah diselitkan dengan pentauliahan AJK baharu EKSA bagi sesi 2023-2025.



Pengarah JANM Pulau Pinang bersama Timbalan Pengarah



Penganugerah sijil kepada PIC EKSA



Sebahagian daripada warga JANMPP



Sijil Penganugerahan kepada AJK EKSA 2019-2022

2. KURSUS GENERIK – PENGURUSAN PERAKUNAN DEPOSIT (ZON UTARA).

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik- Pengurusan Perakaunan Deposit (Zon Utara) pada 07-09 Februari 2023. Kursus ini bertempat di Bilik Latihan Tingkat 40, JANMPP. Kursus ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan.

Kursus telah disampaikan oleh Puan Saadiahtul Faizah Binti Siahadan dan Encik Mohd Saairi bin Zainalabidin daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.



Para peserta yang terlibat.



Para peserta dari pelbagai jabatan



Para peserta Kursus Generik: Pengurusan Perakaunan Deposit



Para peserta bergambar kenangan bersama Penceramah Kursus

3. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BULAN FEBRUARI TAHUN 2023.

Institut Perakaunan Negara (IPN) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi bulan Februari 2023 bermula jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang(JANMPP) telah mengikuti sesi perhimpunan ini secara *live streaming* bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 42, JANMPP.



Hebahan



Sebahagian warga JANMPP yang berada di Bilik Mesyuarat

4. MAJLIS BACAAN YASIN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM).

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP) telah menyertai Majlis Bacaan Yasin JANM secara *live streaming* bertempat di bilik Mesyuarat JANMPP bermula jam 8.30 pagi yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) Dengan Kerjasama Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN).

MAJLIS BACAAN YASIN
Majlis Bacaan Yasin JANM
Februari 2023
anjuran BPAD & JHEAIN


10 Feb | JUMAAT
2023 | 8.30 Pagi

Musolla Al-Khawarizmi Aras 6, JANM

Sumbangan Ikhlas:
AFFIN BANK
105490008407
Surau Al-Khawarizmi

LIVE STREAMING <https://tinyurl.com/jheain2023>
Sarapan Pagi Disediakan

Hebahan



Warga JANMPP menyertai Majlis Bacaan Yasin melalui *live streaming*.



Sebahagian warga JANMPP di Bilik Mesyuarat

5. PROGRAM KEMPEN KESEDARAN KANSER OLEH MAJLIS KANSER NASIONAL (MAKNA).

Biro Wanita, Kelab Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pulau Pinang (KEJAP) telah menganjurkan Program Kempen Kesedaran Kanser oleh MAKNA pada 10 Februari 2023 jam 9.30 pagi – 12.00 tengahari bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 42 Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang (JANMPP). Program ini telah disampaikan oleh Pegawai MAKNA Encik Shahrizal.



KEMPEN KESEDARAN KANSER
(CANCER AWARENESS CAMPAIGN)

10 Februari 2023 | 9.30 pagi - 12.00 t/hari
Bilik Mesyuarat,
Tingkat 42, KOMTAR

Bahagian 1

- Sejarah & Misi MAKNA
- Statistik Kanser
- Aktiviti-Aktiviti MAKNA
- Pencetusan sel-sel Kanser
- Tips Pemakanan
- Pencegahan Kanser

Bahagian 2

- Cara Mendapat Bantuan MAKNA
- Foto-foto Kanser
- Program Sumbangan Debit Langsung
- MAKNA video

Hebahan



Sebahagian warga JANMPP yang berada di Bilik Mesyuarat



Kempen Kesedaran Kanser yang disampaikan oleh pegawai MAKNA



Cenderahati dari JANMPP kepada Pegawai MAKNA

6. BENGKEL TATACARA PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN.

Unit Pengurusan Prestasi JANM Pulau Pinang telah menganjurkan Bengkel Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan pada 21 Februari 2023 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Bengkel ini telah dijalankan secara bersemuka di Bilik Latihan, Tingkat 40 JANM Pulau Pinang. Seramai 8 orang pegawai dari Unit Pengurusan Aset telah menghadiri bengkel ini.



Peserta dari Unit Pengurusan Aset



Peserta yang terlibat

7. BENGKEL PEMURNIAN SENARAI TUGAS UNIT AKAUN.

Unit Pengurusan Prestasi JANM Pulau Pinang telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Senarai Tugas Unit Akaun pada 21 Februari 2023 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Bengkel ini telah dijalankan secara bersemuka di Bilik Mesyuarat, Tingkat 42 JANM Pulau Pinang. Seramai 7 orang pegawai dari Unit Akaun telah menghadiri bengkel ini.



Peserta dari Unit Akaun




Peserta yang terlibat

8. TAKLIMAT BENGKEL SPANM 3/2022 - TATACARA PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN.

Unit Pengurusan Aset JANM Pulau Pinang telah menganjurkan Taklimat Bengkel SPANM 3/2022 – Tatacara Perakunan Aset bukan Kewangan Kerajaan pada 23 Februari 2023 dari jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang. Taklimat ini telah dijalankan secara atas talian. Seramai 187 orang peserta dari pelbagai PTJ telah menghadiri taklimat ini.



Para pegawai dari Unit Pengurusan Aset



Taklimat kepada PTJ secara atas talian